



BICARA EKSKLUSIF

Bicara Eksklusif
Bersama Menteri
Wilayah Persekutuan,
Khalid Abdul Samad



Sewa bilik
serendah
RM100

5



3

Mahu semua pegawai, kakitangan setiap agensi mempunyai pengurusan risiko rasuah

Utama integriti, banteras rasuah

KETUA Setiausaha (KSU) Kementerian Wilayah Persekutuan yang baru, Datuk Seri Saripuddin Kasim mahu menjadikan perjuangan menentang rasuah dan meningkatkan integriti sebagai tugas utama beliau.

"Saya hendak "go all out" pada isu integriti," kata Saripuddin sebaik sahaja melaporkan diri dan bertemu dengan menternya, Khalid Abdul Samad pada 7 Januari lepas.

L A P O R A N P E N U H M U K A 2



SARIPUDDIN (kiri) bersalaman dengan pegawai-pegawai Kementerian Wilayah Persekutuan selepas mengadakan mesyuarat pertama sebagai Ketua Setiausaha kementerian yang baharu di Menara Seri Wilayah, Putrajaya, Isnin lalu.

Harapan baharu projek Monorel Putrajaya diteruskan

PUTRAJAYA - Hasrat orang ramai untuk melihat projek sistem monorel di Putrajaya yang telah dihentikan sejak 15 tahun lalu dapat beroperasi bakal menjadi kenyataan apabila kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan kembali pembinaannya.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, kerajaan akan mengeluarkan permohonan cadangan melibatkan pihak swasta termasuk firma antarabangsa berkaitan projek itu dan meneliti apakah kaedah timbal balas yang bakal dikemukakan.

Beliau berkata, melalui cara tersebut kerajaan tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan memandangkan projek itu kemungkinan mencecah kos bilion ringgit berbanding harga asal sebelum ini kira-kira RM400 juta.

"Monorel ini kita buat kajian. MoT (Kementerian Pengangkutan) pun terlibat. Kita akan buat permohonan cadangan.

"Contohnya, kalau mereka (syarikat swasta) sediakan monorel, apa yang mereka mahu sebagai balasan balik, adakah mahu hak konsesi untuk jalankan operasi monorel itu bagi sesuatu tempoh dan kita (kerajaan) tidak perlu bayar (kos)," katanya kepada Wilayahku di sini baru-baru ini.

Khalid menjelaskan, pihaknya tidak menolak kemungkinan tentang rundingan mengenai kaedah timbal balik itu



BEGINILAH keadaan jambatan yang sepatutnya menjadi landasan Monorel di Presint 3 terbengkalai setelah projek rel itu dihentikan pada tahun 2004.

diadakan pada tahun ini.

"Sebaik-baiknya kita cari syarikat antarabangsa yang mahu bekerjasama dengan syarikat tempatan," katanya.

Dalam pada itu, Khalid berkata, kos projek monorel tersebut turut bakal meliputi perluasan jajaran landasan hingga ke Bangi dan Kajang, Selangor sekali gus dapat mengurangkan kesesakan trafik.

Katanya, penduduk di kawasan terbabit dapat memanfaatkan jaringan pengangkutan awam itu untuk pergi ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Projek Monorel Putrajaya dilaksanakan

ketika Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri keempat tetapi ia dihentikan semasa pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2004.



Isu monorel Putrajaya pernah dibangkitkan beberapa kali termasuk pada 2007 oleh Menteri Wilayah Persekutuan ketika itu, Tan Sri Zulhasnan Rafique yang merujuknya kepada Unit Perancang Ekonomi tetapi tiada tindakan susulan diambil.

Perbadanan Putrajaya (PPJ) pernah melantik syarikat perunding tempatan untuk menyiapkan kajian mengenai model kewangan yang sesuai bagi meneruskan projek monorel. Laporan Rancangan Pembangunan Rel Bandar oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada Jun 2013 menyebut pertumbuhan penduduk Putrajaya bagi tahun 2000 hingga 2010 diunjurkan meningkat 815 peratus.

Laporan itu turut mencadangkan projek monorel dapat dihidupkan semula pada 2016 dan dijangka siap pada 2020.

> Wawancara penuh dalam Bicara Eksklusif di muka 6 dan 7

INFO Monorel Putrajaya

- Projek MTrans Monorail Sdn. Bhd. (MTrans)
- Pembinaan terhenti pada tahun 2004 berikutan kekangan kewangan kerajaan Pusat
- Kos RM400 juta
- Meliputi jarak rel sepanjang 18 kilometer dengan 25 buah stesen termasuk tujuh di bawah tanah
- Fasa pertama melibatkan sistem monorel bawah tanah dan jejantas sepanjang lapan kilometer menghubungkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Presint 3 ke Kementerian Pelajaran di Kompleks E

KSU baharu komited pasti kakitangan KWP bebas rasuah

Tekad tingkat integriti

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA - Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Wilayah Persekutuan yang baharu, Datuk Seri Saripuddin Kasim, 60, mahu menjadikan perjuangan menentang rasuah dan meningkatkan integriti dalam kalangan kakitangan kementerian terbabit sebagai tugas utama beliau.

"Saya mahu go all out pada isu integriti. Saya akan sampaikan kepada semua pegawai kementerian, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Wilayah untuk mempunyai Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) kerana ini adalah perkara asas. Kita hendak menguruskan isu rasuah dan integriti.

"Saya sudah beri tahu menteri, tidak ada mana-mana orang yang selamat daripada cubaan atau pun terdedah kepada isu integriti dan rasuah. Percubaan sentiasa ada," katanya kepada Wilayahku selepas melapor diri dan bertemu Menteri Wilayah Persekutuan,

Khalid Abd. Samad pada Isnin lalu.

Saripuddin berkata, pihaknya juga akan mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi melaksanakan perancangan membabitkan warga kota.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihak Menteri Wilayah Persekutuan juga telah memberikan sokongan bagi kementerian mengukuhkan pelaksanaan program 'Hari Tanpa Kenderaan' di Kuala Lumpur dan Putrajaya selain Labuan.

Jelas beliau, program lebih menyeluruh seumpama itu seperti yang telah dilaksanakan di beberapa negara ASEAN.

"Sekarang sudah ada, cuma perlu melihat semula supaya pelaksanaannya agar lebih menarik," katanya yang sebelum ini merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Saripuddin turut berhasrat un-



KHALID (kiri) bersalam dengan Saripuddin ketika menerima kunjungan hormat pertama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan yang baharu itu di pejabatnya di Putrajaya, Isnin lalu.

tuk menggerakkan lebih banyak peluang industri kecil dan sederhana supaya mampu menjadi penggerak ekonomi bandar raya seperti di Bangkok, Thailand dan Hanoi, Vietnam.

Pada 4 Januari lalu, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Dr. Ismail Bakar mengumumkan rombakan besar membabitkan pertukaran Ketua Setiausaha (KSU) kementerian dan Ketua Pengarah (KP) jabatan kerajaan bagi memperkukuhkan pentadbiran serta pengurusan tertinggi

peringkat kementerian dan agensi berkaitan.

Jelas beliau dalam satu kenyataan, pengisian jawatan berkenaan dilakukan berikutan terdapat kekosongan akibat persaraan wajib dan tamat tempoh kontrak penyandang serta mengambil kira keperluan untuk dibuat pusingan penempatan dalam kalangan KSU kementerian sedia ada.

Rombakan besar-besaran

INFO Datuk Seri Saripuddin Kasim

- Lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan Universiti Hartford, Amerika Syarikat.
- Memulakan kerjaya dalam sektor awam pada 1982 sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan dan Industri
- Kaunselor di Kedutaan Malaysia di Tokyo, Jepun pada 2001 sebelum menjadi atase pendidikan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London pada 2004.
- Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2006-2007)
- Pada 2010 dilantik sebagai Ketua Pengarah Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri.
- Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Domestik, Koperasi dan Kepenggunaan (2011)
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (2014)
- Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

pertama sejak Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara itu menyaksikan KSU Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Alwi Ibrahim ditukarkan ke Kementerian Kerja Raya dan tempat beliau digantikan oleh Datuk Dr. Mohd. Ghazali Abas yang sebelum ini KSU Kementerian Pendidikan.

Jef Hazimin ubah air liur jadi 'emas'

Oleh **HELMI MOHD. FOAD**

DENGAN perwatakan yang agak humor dan bersahaja begitu mudah bagi Jef Hazimin Jaafar, 43, - anak jati Bangsar, Kuala Lumpur ini menarik khalayak ramai.

Dengan kelebihan tersebut, beliau memanfaatkannya bagi menjadi pengacara majlis versatil. Kerjaya dalam bidang tersebut sebenarnya bermula tanpa dirancang apabila satu ketika beliau diberikan tugas menguruskan jelajah konsert kumpulan nasyid Raihan ke Pantai Timur ketika masih di bangku kuliah sekitar hujung tahun 90-an.

Tanpa disangka di situlah bakat pengacaranya digilap dan itulah rezeki pertamanya. Cerita Jef Hazimin, dia merasa seperti bermimpi, malam tadi berapa di tengah ribuan penonton konsert, sebelah paginya kembali ke dewan kuliahnya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kampus Petaling Jaya.

Selepas tamat pengajian, Jef Hazimin meneruskan kerjayanya, dari sekecil-kecil kenduri dia beraksi hinggalah akhirnya menjadi pengacara majlis Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

"Itulah profile saya bang, tak payah berjela-jela," ujarnya.

Lihat pada nama agensinya - Air Liur Emas pun sudah menyerlahkan keunikannya.

Bagaimana punca nama itu muncul? Kisahnya seorang pelajar program motivasi anjurannya tiba-tiba menghulurkan satu e-book bertajuk Ubah Air Jadi Emas.

Rupa-rupanya pelajar tersebut



JEF HAZIMIN (tengah) bergambar bersama pasukan boling padang negara pada temasya Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.

mencatatkan satu persatu celoteh Jef Hazimin lalu dijadikan e-book. "Jadi saya minta izin dengan pelajar itu untuk mengambil tagline Air Liur Emas tersebut.

Jef Hazimin menceritakan, rezeki di Sukan SEA bermula tanpa dirancang apabila seorang rakannya menyarankan dia hadir ke uji bakat.

"Tidak sangka akhirnya saya terpilih, masa uji bakat itu sebenarnya ramai lagi yang hebat-hebat. Lebih mencabar apabila saya dipilih mengendalikannya acara sukan boling padang di Bukit Kiara - sukan yang paling saya tidak tahu. Saya terpaksa study sehari-hari untuk memahaminya.

"Jadi saya gunakanlah kesempatan



kemahiran dalam bidang motivasi untuk memeriahkan suasana pertandingan itu dan membantu menaikkan semangat penonton dan pasukan yang bertanding," katanya.

Dalam pertandingan tersebut Malaysia banyak menang emas. Jef Hazimin ambil kesempatan memegang pingat emas tersebut lantas menggigitnya.

"Bila dah gigit pingat emas itu ia seolah-olah benarlah air liur sudah jadi emas," katanya berseloroh.

Bapa kepada lima orang ini berkata, kehidupan di ibu kota sebenarnya menuntut seseorang itu pandai mengambil peluang yang ada dan jangan malas.

"Saya memang dibesarkan dalam suasana urban di Flat Sri Pahang, Bangsar. Kehidupan di sini membolehkan kita bergaul dengan ramai orang. Saya sertai pelbagai program untuk mendapat ramai rakan," katanya.

Katanya, sebenarnya banyak peluang boleh diperoleh di kota Kuala Lumpur ini. "Mengapa rakyat asing boleh dapat peluang dan mereka cepat mahir bertutur bahasa Melayu?

"Kita perlu ada keyakinan diri untuk mencapai kejayaan dan jangan malu-malu. Kalau ada bakat jangan disimpan," katanya.

Bantuan sekolah YWP kurangkan beban ibu bapa

KUALA LUMPUR - Penerima sumbangan program Back To School anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menzahirkan rasa kesyukuran atas pemberian bantuan kelengkapan bagi sesi persekolahan tahun 2019 sekali gus dapat mengurangkan perbelanjaan serta meringankan beban kewangan mereka.

Seorang kerani swasta, B. Prema, 46, berkata, inisiatif YWP tersebut membantu meringankan beban keluarganya disebabkan kos persekolahan meningkat apabila anak keduanya, T. Shremaathi, 7, memulakan persekolahan bagi Tahun Satu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sin Min di sini.

"Saya sangat menghar-

gai sumbangan ini kerana pada tahun ini, dua anak saya bersekolah, jadi kos persekolahan sedikit meningkat. Ini adalah kali pertama saya menerima sumbangan.

"Sumbangan yang diberikan adalah baucer pembelian alat tulis, beg dan pakaian sekolah. Melalui sumbangan ini, saya dapat mengurangkan kos perbelanjaan persekolahan untuk Shremaathi dan saya dapat berikan fokus kepada keperluan persekolahan kakaknya yang belajar di Tahun Tiga," katanya kepada Wilayahku pada majlis penyerahan bantuan Back To School YWP di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak di sini baru-baru ini.

Guru taska, Rosita Mohamad, 44, pula berkata, sumbangan itu mampu mengurangkan kos permulaan persekolahan anaknya kira-kira RM100 hingga RM200 yang turut meliputi uniform sekolah.

"Jadi saya cuma fokus kepada perbelanjaan buku-buku memandangkan bantuan alat tulis turut diberikan YWP," ujarnya.

Sumbangan tersebut turut dihargai Yusri Yusof, 51, yang merupakan pengawal keselamatan kerana ia dapat membantu kelancaran pembelajaran cucunya, Siti Nur Hidayah Abdullah yang belajar di Tahun Dua.

Sementara itu, pelajar Sekolah Menengah Bandar Tun Razak, Syaيدات Hafiza Zainudin, 15, ber-

kata, pemberian sumbangan itu dapat membantu mengurangkan perbelanjaan ibunya.

"Rasa terkejut juga apabila diberitahu tentang sumbangan daripada YWP. Inilah kali pertama saya menerimanya. Terima kasih diucapkan YWP kerana membantu meringankan beban keluarga," ujarnya.

Pada 17 Disember lalu,

Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad menyerahkan bantuan persekolahan sesi 2019 yang diperuntukkan YWP kepada wakil-wakil Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan sempena majlis pelancaran 'Back To School'.

Kira-kira 20,000 pelajar sekolah daripada golongan kurang berkemampuan di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya

dan Labuan menikmati bantuan berkenaan sekali gus meringankan beban perbelanjaan ibu bapa atau penjaga mereka.

Peruntukan program tersebut sebanyak RM3 juta itu berjaya dikurangkan kepada RM2.35 juta apabila pihak YWP membeli sebahagian keperluan persekolahan terbabit secara terus daripada negara pengeluar.



ROZITA



S. PREMA



SYAIDATUL



YUSRI